

Berikut adalah resolusi kluster yang dibentangkan pada Kongres Maruah Melayu di Stadium Malawati, Shah Alam semalam:

KLUSTER BUDAYA

Kaunselor Universiti Putra Malaysia, Muhammad Za'im Rosli

1. Menolak kemasukan anasir luar yang membawa dan menyebarkan ideologi songsang yang bertentangan dengan ajaran Islam serta peradaban Melayu.
2. Mengambil tindakan tegas dan memastikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi dalam sistem pentadbiran kerajaan di semua peringkat.
3. Memastikan hanya tulisan rumi dan jawi digunakan bagi semua urusan rasmi kerajaan sebagaimana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan.
4. Mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang cuba melarang penggunaan tulisan jawi atau menyalahgunakannya untuk mengelirukan orang ramai.
5. Mewajibkan pembelajaran tulisan jawi dan khat dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada semua peringkat dalam sistem pendidikan.

KLUSTER EKONOMI

Mahasiswa Undang-Undang Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhammad Syafiq Jebat

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030:
 - Memastikan jurang pendapatan orang Melayu dengan kaum lain dikurangkan menjelang tahun 2030.
2. Model Ekonomi Baharu Melayu (MEBM):
 - Kongres mendesak pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menggubal satu MEBM yang menekankan kepada teras utama iaitu penyerataan, pemilikan dan penguasaan ekonomi orang Melayu dalam pelbagai bidang yang berupaya untuk menjadikan pemain atau pelaksana utama yang kompetitif dalam ekonomi nasional dan Global. MEBM ini perlu dimasukkan dalam kerangka Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.
3. Institusi kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan institusi ekonomi Melayu lain:
 - Memantapkan institusi kerajaan, GLC dan institusi ekonomi bangsa Melayu dengan menyelaraskan dan menyusun semula agensi-agensi tersebut mengikut bidang.
 - Menubuhkan satu majlis atau suruhanjaya khas untuk menyelaras dan memantau segala tindakan GLC dan agensi kerajaan yang menjaga kepentingan orang Melayu.
5. Teknologi tinggi dan ekonomi digital:
 - Sebuah GLC sedia ada perlu diberikan tugas khas untuk memastikan orang Melayu menyertai dengan berkesan bidang-bidang ekonomi baharu dan teknologi tinggi.

KLUSTER PENDIDIKAN

Mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nurul Fatin Aqilah Rahim

1. Menambah peratusan bilangan penerima biasiswa untuk B40 kaum bumiputera dan menubuhkan tabung biasiswa rakyat di universiti awam. Biasiswa JPA hendaklah dipulangkan kepada bumiputera melalui sistem penggredan peperiksaan SPM yang lebih fleksibel, manakala GLC memberi keutamaan tawaran biasiswa kepada calon bumiputera
2. Melaksanakan sekolah satu aliran dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan Sekolah Wawasan hendaklah dilaksanakan secara beransur-ansur.

KLUSTER AGAMA

Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhli Shaari

1. Meminda Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dengan mengisytiharkan bahawa Islam beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah doktrin dan kepercayaan bagi umat Islam Malaysia.
2. Memasukkan perkara 3(1)(A) dalam Perlembagaan Persekutuan dengan menyatakan bahawa Islam beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu-satunya cara hidup bernegara, dalam semua polisi, undang-undang dan amalan hendaklah berasaskan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah.
3. Jawatan utama kepimpinan negeri dan negara iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan kementerian-kementerian penting seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri diketuai oleh orang Melayu beragama Islam serta beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Begitu juga dengan jawatan lain seperti Ketua Hakim Negara, Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera dan jawatan-jawatan penting lain perlu digalas oleh orang Islam beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
4. Menteri dilantik bagi menjaga hal ehwal agama Islam dan ahli mesyuarat negeri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama hendaklah dalam kalangan individu yang dihormati, memahami ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, mempunyai prestasi cemerlang serta tidak terpengaruh dengan doktrin kefahaman mengelirukan dan terpesong.
5. Institusi Islam perlu diperkasa sehingga menjadi cekap dan amanah serta dianggotai oleh orang Islam yang benar-benar layak serta dipantau oleh pemimpin Muslim yang dihormati daripada kalangan ulamak yang muktabar.
6. Mendesak Suhakam, Majlis Peguam, NGO liberal dan badan lain tidak mencampuri urusan agama Islam dengan bertopengkan kepada hak asasi manusia.

KLUSTER POLITIK

Felo Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Abdul Muqit Muhammad

1. Teras politik Melayu Islam terganggu:
 - Ada pihak cuba menyingkir Melayu Islam dan perkara ini perlu dihalang. Ada pihak anti akademi dan perkara ilmiah cuba memesongkan sejarah Melayu di negara ini.
2. Pemerksaan dan kebijaksanaan politik Melayu.
3. Iltizam politik dalam melaksanakan ekonomi membantu orang Melayu:
 - Kemiskinan melibatkan orang Melayu perlu diakui dan tidak boleh dinisbahkan kepada kemalasan.
4. Terdapat 7.09 juta pengundi muda Melayu tetapi penglibatan dalam politik tidak begitu signifikan. Perkara tersebut perlu ditangani dengan baik.